



**TEKS UCAPAN
PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL. 4/2019**

**OLEH
YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD
KETUA PENGARAH RISDA**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA**

**26 OGOS 2019 (ISNIN)
9.00 PAGI**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia En. Abdullah bin Zainal

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA

Yang Berusaha En. Muhammad Adnin Bakir bin Abu Bakar

Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat

Selaku Hos Perhimpunan Bulanan RISDA Bil. 4/2019

Yang Berbahagia Tuan Hj. Sopian bin Abu Bakar

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Pengarah-Pengarah Bahagian/ Ketua-Ketua
Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Serta semua warga RISDA yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
dan Salam Sejahtera.**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bilangan 4 Tahun 2019 ini. Saya berasa amat gembira dapat bersama dengan semua warga RISDA pada hari ini kerana melalui perhimpunan ini, saya berpeluang untuk menyampaikan isu-isu terkini kepada Tuan/Puan sekalian.

Para hadirin sekalian,

KECEMERLANGAN ASPIRASI UTAMA ORGANISASI

2. Perkhidmatan awam sentiasa berdepan dengan realiti semasa yang mana teras perkhidmatan awam adalah untuk menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (value added) kepada rakyat. Bagi kita di RISDA, menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil merupakan usaha yang berterusan yang sentiasa kita laksanakan. Imej RISDA di mata Kerajaan, Kementerian dan pekebun kecil sentiasa pada

tahap yang cemerlang. Imej korporat yang dibina dengan baik ini adalah hasil komitmen kita semua dalam memastikan RISDA sentiasa ke hadapan. Kita telah mencipta “success story” kita sendiri dalam pelbagai arena pembangunan pekebun kecil seiring dengan pembangunan Negara.

MENYELAMI KEPERLUAN ORGANISASI

3. Dalam usaha kita bergerak dalam sebuah kapal untuk ke destinasi yang sama, perkara utama yang mustahak ialah mencipta

matlamat dan menjayakan misi untuk mencapai matlamat. Bagi pekebun kecil kita telah menetapkan RM 4,000 sebulan dengan disokong oleh keperluan keusahawanan, teknologi, memelihara kebajikan, memenuhi keperluan kemanusiaan dan sebagainya. Kita sudah mempunyai Model Perancangan Strategik RISDA (MPSR 2016 – 2020) dan juga bakal mengoperasikan Model RISDA Smart Estates (MRSE 2021 – 2025) semuanya untuk pekebun kecil. Namun, bagaimana pula dengan Model Pembangunan Staf.

4. Bagi menyelami keperluan organisasi suka untuk saya sarankan agar Model Pembangunan Warga RISDA perlu dilaksanakan untuk memastikan staf dipelihara dan diraikan atas kecemerlangan samada dari segi kerjaya, sosial, kebajikan mahupun sukan. Inilah masanya untuk kita ambil peduli antara satu sama lain. Inilah perkara pokok yang harus kita lihat bersama. Matlamat perubahan pengurusan tidak mungkin dapat dicapai andai pengurusan tidak mampu menghidu keperluan situasi dalaman dan warga RISDA juga tidak memahami

kekangan situasi pengurusan. Selain itu, NGO di RISDA seperti Majlis dan Kelab Sukan, BARIS dan Kesatuan Pekerja perlu memainkan peranan yang lebih hebat lagi untuk membina budaya kebersamaan antara warga RISDA.

Hadirin sekalian,

KEMPEN “BECAUSE WE CARE”

5. Atas sebab itu, hari ini kita akan melancarkan kempen “**Because We Care**” dengan Tema **Connecting Peoples, Shaping Changes**. Ini adalah sebuah kempen menghubungkan warga RISDA melalui pelbagai saluran komunikasi bagi membentuk perubahan positif sesama kita. Dalam setiap perubahan mesti bermula dengan peranan komunikasi. Jika kita gagal berkomunikasi dengan baik, kita tidak akan mampu menyelesaikan masalah. Justeru, saya mengucapkan tahniah

kepada Bahagian Komunikasi Korporat kerana mencipta satu kempen “kebangkitan” dan bertindak sebagai “**LEAD AGENT**” untuk menyampaikan impian pengurusan dan membina kesedaran kepada semua warga RISDA. Namun, saya amat mengharapkan semua kita di sini bertindak sebagai agen perubahan dan menyokong semua program “Internal Communication” untuk kebaikan bersama.

INISIATIF FRESHMEN ACADEMY

6. Selain itu, salah satu program dalam Kempen Because We Care, warga RISDA semua disaran untuk melibatkan diri dalam program '**Freshmen Academy**'. Ianya merupakan inisiatif untuk meningkatkan imej warga RISDA menerusi perkongsian ilmu dan latihan daripada pakar profesional. Program ini melibatkan kerjasama Bahagian Latihan, Pejabat Ketua Pengarah dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Ianya bertujuan untuk membantu warga RISDA dalam urusan pengurusan hidup, adab

dan etika, pengurusan kewangan serta dalam masa yang sama membina perubahan diri. Jika mahu berubah perlulah berguru. Pengurusan sediakan platform ini untuk anda semua berguru ke arah perubahan. Amatlah diharapkan peluang emas sebegini tidak hanya dipandang dan dilepaskan.

Hadirin sekalian,

7. **INISIATIF MERAIKAN KEJAYAAN WARGA RISDA**

Saya pasti di antara kita di sini ada yang sentiasa memberikan sepenuh jiwa dan raga dalam bekerja. Saya pasti ada yang mempunyai jiwa yang murni yang sentiasa menabur bakti membantu mereka yang memerlukan. Ada yang aktif terlibat dalam pelbagai persatuan di luar sana dan dalam masa yang sama membawa nama RISDA. Selain daripada Anugerah Pekhidmatan Cemerlang Tahunan dan Bulanan kita perlu melebarkan lagi arena untuk menghargai staf kita. Kita perlu lebih

aktif untuk mengadakan majlis – majlis menghargai staf yang terlibat dalam pelbagai usaha murni dalam institusi sukan, social dan kebajikan. Untuk permulaan, pada hari ini melalui kempen Because We Care ini kita akan melancarkan tabung kilat “**Jom Donate**” bagi membantu staf kita yang memerlukan akibat kemalangan, kesihatan dan apa sahaja kemudaratan samada berlaku pada diri sendiri atau keluarga. Isunya bukan berapa nilai untuk memberi tetapi pedulilah kita untuk memberi.

Para hadirin sekalian,

KEPERLUAN TEKNOLOGI DALAM URUSAN HARIAN

8. Kita semua sedar, penyebaran maklumat pada hari ini semakin canggih dan interaktif. Kecanggihan ini seiring kemunculan media-media sosial baharu seperti Facebook, Twitter dan Whatsapp yang membolehkan maklumat dicapai melalui peralatan sekecil telefon pintar. Kita boleh berkongsi apa sahaja maklumat secara interaktif yang menggabungkan semua elemen seperti lisan, tulisan, visual dan data dengan masyarakat dari seluruh dunia.

Suka untuk saya nasihatkan agar dengan kecanggihan teknologi yang ada ini tidak menyebabkan berlaku penyalahgunaan dalam penyebaran maklumat di kalangan warga RISDA. Gunalah teknologi untuk sebaran infomasi perpaduan, nasihat, ucapan semangat dan sebagainya.

PENUTUP

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Bahagian Komunikasi

Korporat atas kejayaan menganjurkan majlis pada hari ini. Adalah menjadi harapan saya agar pelbagai program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cemerlang demi pembangunan sahsiah bersama.

Kerana Kita Peduli

Kita Mesti Mencipta Perubahan

Perubahan Yang Paling Manis Adalah

Mencapai Yang Dikata Orang Lain Sebagai

Tidak Mungkin..

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke 62.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.